

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : TUAN LIM GUAN ENG [BAGAN]

SOALAN

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan tindakan ke atas kadar tinggi tiket penerbangan Kuala Lumpur-Sarawak, di mana contohnya, harga bagi sektor Kuala Lumpur-Kuching meningkat daripada RM500 kepada lebih RM2,000 dan mengapa Kerajaan tidak berikan subsidi agar kadar ini dikembalikan kepada kadar sebelum krisis COVID-19 bagi membolehkan rakyat Sabah Sarawak balik kampung.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, pada masa ini, terdapat penerbangan terus oleh Malaysia Airlines Berhad (MAB) dan AirAsia dari Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) dan klia2 ke Lapangan Terbang Antarabangsa Kuching dengan jumlah kekerapan keseluruhan sebanyak 64 kali seminggu.
2. Penetapan tambang penerbangan domestik oleh syarikat-syarikat penerbangan negara adalah berdasarkan kepada rasionalisasi sektor perkhidmatan udara domestik pada tahun 2006. Dalam hal ini, Jemaah Menteri telah memutuskan bahawa syarikat-syarikat penerbangan negara yang menyediakan perkhidmatan udara domestik diberikan kebebasan dalam menentukan liputan rangkaian (network coverage), kekerapan penerbangan dan kadar tambang yang ingin ditawarkan berdasarkan permintaan pasaran.
3. Berdasarkan pemantauan yang dilaksanakan oleh Suruhajaya Penerbangan Malaysia (MAVCOM) bagi tempoh di antara 2 Jun hingga 17 Jun 2020, MAVCOM mendapati bahawa harga tambang penerbangan terutama dari Semenanjung ke Sabah dan Sarawak telah menunjukkan trend penurunan berbanding bulan Mei 2020.
4. Orang ramai disaran untuk membuat perancangan dengan membeli tiket penerbangan lebih awal bagi mendapatkan tawaran harga tiket yang lebih murah berbanding pembelian disaat akhir.
5. Perkhidmatan penerbangan bagi laluan, Kuala Lumpur- Kuching tidak menepati syarat dan kriteria sebagai sebuah laluan Obligasi Perkhidmatan Awam (PSO) yang membolehkan Kerajaan mempertimbangkan pemberian subsidi kerana terdapat beberapa syarikat penerbangan yang turut menyediakan perkhidmatan di laluan yang sama.

Sekian, terima kasih.